

## MEDIA STATEMENT

**For Immediate Release**

### **IDEAS: Malaysia Must Stay the Course Amid Rising US Tariffs and Global Economic Uncertainty**

**Kuala Lumpur, 8 April 2025:** The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is deeply concerned by the United States government's recent imposition of wide-ranging tariffs on Malaysian exports under the "Liberation Day" initiative. This disruptive and economically incoherent policy represents yet another deviation from rules-based multilateralism, posing broader risks to global economic integration, and the principles of free and open trade.

"Broad-based tariffs are the Trump administration's latest damaging and misguided deviation from sound economic policymaking. They add to the dismantling of USAID and the US withdrawal from international governance in generating heightened uncertainty, which threatens the livelihoods of Malaysians and people across the globe," said Dr Stewart Nixon, IDEAS Deputy Director of Research.

The punitive Trump administration tariffs have no relationship with Malaysia's (or any other country's) trade policy settings. Malaysia's trade-weighted average tariff on imports from the United States is just 1.5%, with Malaysia's goods trade surplus reflecting comparative advantages and demand preferences more so than trade restrictions. The tariffs will add to trade costs, impeding the exchange of goods and services that deliver large benefits for both Malaysia and America, including by increasing productivity, creating jobs and lowering prices.

IDEAS welcomes the Malaysian government's swift, proportionate response — including the establishment of the National Geoeconomic Command Centre (NGCC) and MITI's tariff taskforce. Prime Minister Dato' Seri Anwar Ibrahim's focus on leading a collective ASEAN-level strategy during Malaysia's 2025 ASEAN Chairmanship is timely and commendable. This response must be followed up with regular updates that assure industry players and the public that their interests are protected and for markets to remain strong and stable.

IDEAS strongly urges the government to avoid retaliatory measures or mirroring US tariff hikes, which would only compound the economic burden on Malaysians. Instead, Malaysia should continue pursuing long-term, mutually beneficial partnerships with economies committed to free and fair trade. Emphasis should also be placed on enhancing institutional transparency and accelerating structural reforms to position Malaysia as a stable and attractive destination for sustained and resilient trade and investment.

"Policymakers should be mindful that economic shocks hurt vulnerable people and small businesses the most. Malaysia must be increasingly vigilant to reduce vulnerability while the United States appears intent on creating it," added Dr Nixon.

[ENDS]

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

[ryannesh@ideas.org.my](mailto:ryannesh@ideas.org.my)

#### About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,

visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)

## KENYATAAN MEDIA

### *Untuk Siaran Segera*

#### **IDEAS: Malaysia Mesti Tekal di Sebalik Kenaikan Tarif AS dan Ketidaktentuan Ekonomi Dunia**

**Kuala Lumpur, 8 April 2025:** Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) melahirkan kebimbangan terhadap tindakan kerajaan Amerika Syarikat yang baru-baru ini mengenakan tarif secara meluas ke atas eksport Malaysia di bawah inisiatif “Liberation Day”. Polisi yang mengganggu dan tidak selaras dari segi ekonomi ini merupakan satu lagi penyimpangan daripada pendekatan multilateralisme berdasarkan peraturan, sekali gus menimbulkan risiko lebih besar terhadap integrasi ekonomi dunia serta prinsip perdagangan bebas dan terbuka.

“Tarif menyeluruh ini merupakan satu lagi tindakan merosakkan dan tersasar oleh pentadbiran Trump yang menyimpang daripada dasar ekonomi yang kukuh. Ia menambah kepada penutupan USAID dan penarikan diri Amerika Syarikat daripada tadbir urus antarabangsa, yang secara keseluruhannya mewujudkan ketidaktentuan ekonomi yang semakin meningkat dan mengancam mata pencarian rakyat Malaysia dan masyarakat dunia,” ulas Dr Stewart Nixon, Timbalan Pengarah Penyelidikan IDEAS.

Tarif membebankan yang dikenakan oleh pentadbiran Trump tidak berkaitan langsung dengan dasar perdagangan Malaysia (atau mana-mana negara lain). Purata tarif berwajarnya perdagangan Malaysia ke atas import dari Amerika Syarikat hanyalah 1.5%, dengan lebihan dagangan barang Malaysia lebih mencerminkan kelebihan daya saing dan pilihan permintaan berbanding sekatan perdagangan. Tarif tersebut akan meningkatkan kos perdagangan, sekali gus menghalang pertukaran barang dan perkhidmatan yang sebenarnya memberikan manfaat besar kepada kedua-dua negara, termasuk dalam meningkatkan produktiviti, mewujudkan peluang pekerjaan dan menurunkan harga.

IDEAS menyambut baik tindak balas segera dan seimbang oleh kerajaan Malaysia — termasuk penubuhan Pusat Tindakan Geoekonomi Nasional (NGCC) dan pasukan petugas tarif MITI. Tumpuan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk memimpin strategi bersama di peringkat ASEAN semasa Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 amatlah tepat pada masanya dan wajar dipuji. Tindak balas ini perlu disusuli dengan makluman berkala bagi meyakinkan para pemain industri dan orang awam bahawa kepentingan mereka dilindungi serta pasaran kekal kukuh dan stabil.

IDEAS juga menggesa kerajaan supaya tidak mengambil langkah balas atau menaikkan tarif seperti yang dilakukan oleh Amerika Syarikat, kerana tindakan itu hanya akan menambah beban ekonomi terhadap rakyat Malaysia. Sebaliknya, Malaysia perlu terus menjalin perkongsian jangka panjang yang saling menguntungkan dengan negara yang komited terhadap perdagangan bebas dan adil. Penekanan juga harus diberikan kepada peningkatan ketelusan institusi dan pemerksaan reformasi struktur bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang stabil, berdaya tahan dan mampan.

“Para penggubal dasar perlu sedar bahawa kejutan ekonomi memberi kesan paling besar kepada golongan rentan dan perniagaan kecil. Malaysia mesti berwaspada untuk mengurangkan kerentenan ini, tatkala Amerika Syarikat kelihatan seolah-olah sengaja mewujudkannya,” tambah Dr Nixon.

[TAMAT]

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

[ryannesh@ideas.org.my](mailto:ryannesh@ideas.org.my)

#### Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my)